



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MESYUARAT KHAS MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN**

**(SPECIAL AEM)**

**RABU, 18 MEI 2022**

**BALI, INDONESIA**

---

1. Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) telah berlangsung pada 18hb Mei 2022 di Bali, Indonesia. Mesyuarat tersebut telahpun dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat Khas ini dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Pan Sorasak, Menteri Perdagangan Cambodia, dan turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Ekonomi dari Negara-Negara Anggota ASEAN (AMS) dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.
  
2. Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN telah membincang dan bertukar pandangan mengenai usaha-usaha pemulihan ekonomi rantau ASEAN dan strategi-strategi dalam menangani isu-isu serantau dan global termasuk dalam mengukuhkan 'ASEAN Centrality' bagi memastikan Komuniti Ekonomi ASEAN yang relevan, berdaya-saing, inklusif, berdayatahan, dan mampan dalam era pasca pandemik COVID-19.
  
3. Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengetengahkan kepentingan peranan perdagangan dan pelaburan *Intra-ASEAN* pasca pandemik COVID-19 dan juga bersetuju akan mustahaknya bagi negara-negara anggota ASEAN (AMS) mengukuhkan ASEAN Centrality dalam menangani dunia yang kian berkembang dan tidak menentu.



4. Mesyuarat mengambil maklum mengenai ramalan optimistik kenaikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi rantau ASEAN, dimana pertumbuhan ekonomi dijangka akan meningkat sebanyak 4.9 peratus padai tahun 2022 dan 5.2 peratus pada tahun 2023. ASEAN juga mengambil maklum bahawa usaha-usaha pemulihan dan prospek ketumbuhan akan mudah terdedah kepada situasi geopolitik, gangguan kepada rantaian bekalan, kekurangan komoditi-komoditi berkepentingan dan tekanan inflasi. Dalam pada ini, Mesyuarat menegaskan keperluan bagi ASEAN untuk berwaspada dan mempercepatkan usaha-usaha perlaksanaan ASEAN Comprehensive Recovery Framework (ACRF) agar ekonomi rantau ini akan dapat membangun semula dengan lebih baik.
5. Mesyuarat seterusnya bersetuju bahawa Perjanjian Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) berpotensi menjadi penyumbang kearah usaha-usaha pemulihan ekonomi. Dalam pada itu, mesyuarat mengalu-alukan penubuhan Sekretariat RCEP untuk memberi bantuan dan sokongan kepada RCEP Joint Committee dan badan-badan subsidiari dibawahnya.
6. Mesyuarat juga mengetengahkan kepentingan keberhasilan Twelfth World Trade Organization (WTO) Ministerial Conference (MC12), yang akan berlangsung pada 12 hingga 15 Jun 2022 di Geneva, Switzerland, dalam memastikan sistem perdagangan pelbagai hala yang telus, tiada diskriminasi dan terbuka.
7. Seterusnya, mesyuarat juga berbincang mengenai isu-isu berkaitan alam sekitar termasuk dasar dan strategi yang diperkenalkan oleh badan-badan pertubuhan antarabangsa, yang berkemungkinan besar akan membawa impak kepada dasar dan aktiviti perdagangan di rantau ini.



8. Mesyuarat khas berkenaan telah didahului oleh mesyuarat *Preparatory Senior Economic Officials Meeting (Prep-SEOM)* pada 17<sup>hb</sup> Mei 2022. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Yang Mulia Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

BALI, INDONESIA

Tarikh: 18 Syawal 1443

19 Mei 2022